AUTHOR: No author available SECTION: NASIONAL PAGE: 4 PRINTED SIZE: 342.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 11,368.00 ITEM ID: MY0068640536

04 APR, 2026

9.2 juta pengguna elektrik nikmati Insentif Cekap Tenaga RM2.8b

Berita Harian, Malaysia

9.2 juta pengguna elektrik nikmati Insentif Cekap Tenaga RM2.8b

Langkah kurangkan beban rakyat hadapi krisis tenaga global

Kuala Lumpur: Kira-kira 9.2 juta pengguna elektrik di Semenanjung menikmati Insentif Cekap Tenaga berjumlah RM2.8 bilion sejak diperkenal, sebagai langkah mengurangkan beban rakyat dalam menghadapi krisis tenaga global.

Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Tenaga (ST), Siti Safinah Salleh, berkata pengguna domestik dengan penggunaan elektrik bulanan 600 kilowatt jam (kWj) ke bawah turut dikecualikan daripada pelarasan kos Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA), sekali gus tidak terjejas dengan turun naik harga bahan api dunia.

"Pengguna dengan penggunaan elektrik bulanan 1,000 kWj ke bawah pula layak menerima Insentif Cekap Tenaga, yang juga insentif kerana menggunakan tenaga secara cekap," katanya dalam kenyataan mengenai krisis tenaga global, semalam.

Beliau berkata, turun naik harga bahan api dunia dijangka memberi kesan kepada kos penjanaan tenaga elektrik, namun masih terkawal melalui kepelbagaian sumber tenaga serta pelarasan kos AFA.

Sementara itu, beliau menyeru rakyat agar menggunakan tenaga secara cekap dan berhemat bagi memastikan kemampanan bekalan tenaga jangka panjang.

"Menyambut saranan Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim), kita semua perlu berganding bahu untuk sama-sama menghadapi krisis ini. Sebagai pengguna tenaga, kita disarankan untuk menggunakan elektrik secara cekap dan berhemat, bagi memastikan kemampanan jaminan bekalan tenaga jangka panjang," katanya.

Siti Safinah turut menyarankan kepada pengguna beberapa langkah kecekapan penggunaan tenaga yang praktikal termasuk menetapkan suhu pengdingin hawa pada 24 darjah Celsius, menggunakan lampu LED, serta beralih kepada skim 'Time-of-Use' tarif bagi pengguna meter pintar.

Amalan ringkas penggunaan

Beliau berkata, penjimatan elektrik bulanan dianggarkan antara lima hingga 10 peratus melalui penggunaan tenaga yang lebih cekap, khususnya pada waktu luar puncak dari 10 malam hingga 2 petang.

"Amalan ringkas seperti menutup semua suis peralatan elektrik apabila tidak digunakan juga membantu dalam mengawal penggunaan elektrik. ST juga ingin menggalakkan pengguna tenaga memilih peralatan cekap tenaga yang berlabel 4 atau 5 bintang.

Kelmarin Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof mengumumkan kawalan penggunaan tenaga di bangunan kerajaan akan diperketat termasuk menetapkan suhu penyaman udara pada minimum 24 darjah Celsius berikutan krisis tenaga global.

Sejak 28 Februari lalu, Israel dan Amerika Syarikat (AS) melaksanakan operasi ketenteraan terhadap Iran yang mengakibatkan bukan sahaja ribuan nyawa terkorban, malah mencetuskan krisis tenaga di seluruh dunia.

AFA ialah mekanisme diselaraskan berdasarkan kos pasaran bahan api (gas, arang batu dan lain-lain) dan kadar pertukaran asing, menggantikan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang sebelum ini, yang digunakan sebagai mekanisme untuk mengira bil elektrik. BERNAMA

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.